

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 8 RABU 19 FEBRUARI, 1969. رابو 1 ذوالحججه 1388 PERCHUMA

Kerajaan melaksanakan usul2 yang benar2 berfaedah untuk raayat

SERIA — Kerajaan ada-lah melayani usul2 yang di-bawa ka-dalam sidang Majlis2 Mashuarat Daerah yang di-fikirkan benar2 mendatangkan kebajikan dan faedah untuk raayat.

Ini tidak-lah berarti bahawa usul2 yang di-kemukakan dan di-luluskan oleh majlis hanya tinggal beku bagitu saja tanpa di-beri perhatian yang wajar.

Demikian menurut Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail ketika merasmikan pembukaan Bilek Bachaan Awam Seria, pada hari Sabtu 15 Februari lepas.

Bilek Bachaan itu di-kelolakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan pembenaan bangunan-nya berharga kira2 \$30,000.00 termasuk alat2-nya. Bangunan tersebut letak-nya berhampiran dengan Pasar Seria.

Pengiran Dato Paduka Momin menegaskan bahawa bangunan Bilek Bachaan itu adalah hasil dari usul yang di-kemukakan dalam Majlis Mashuarat Daerah Belait dalam sidang-nya beberapa tahun yang lalu.

Ini, tegas beliau, ada-lah satu bukti yang nyata bahawa Kerajaan melayani usul2 yang di-kemukakan itu sa-telah di-pertimbangkan dan di-kaji faedah2-nya kepada orang ramai.

Pengiran Dato Paduka Momin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Penyiaran dan Penerangan kerana mengadakan bahan2 bacaan yang besar faedah-nya kepada orang ramai di-Seria yang menurut beliau akan mendatangkan ilham dan petunjuk ka-arrah yang berkebakikan.

Beliau menyeru kepada penduduk2 di-Seria supaya menggunakan bilek bacaan itu dalam arti-kata yang sa-benar2-nya dan sama2 memelihara bangunan itu dan kelengkap-

an-nya, terutama perabot2 supaya dapat di-gunakan dalam jangka masa yang panjang.

Untuk kesempurnaan pemeliharaan bangunan dan alat2 dalam bilek bacaan itu, Pengiran Dato Paduka Momin meminta kerjasama Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah supaya menasihatkan pemuda pemudi agar bilek bacaan itu sentiasa dalam keadaan yang baik dan tersusun rapi.

Pengiran Dato Paduka Mo-



Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin sedang memberikan ucapan sa-belum beliau merasmikan pembukaan bilek bacaan awam Seria pada hari Sabtu lepas. Di-sebelah kiri beliau ia-lah Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang G.V. de Freitas.

min kemudian-nya menyampaikan anak-kunci bangunan itu kepada Penjaga Bilek Bachaan tersebut, Awang Suhaimi bin Abu Bakar sa-bagai menandakan rasmi-nya untuk di-gunakan oleh orang ramai.

Terdahulu dari itu, Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang G.V. de Freitas dalam

uchapan-nya telah menyatakan bahawa bilek bacaan itu diadakan ada-lah atas kehendak orang ramai di-Seria.

Beliau berkata, untuk menampung keperluan bacaan di-kalangan orang ramai dan penuntut2 di-situ, maka bilek bacaan tersebut telah di-
(Lihat Muka 8)

MAJLIS FORUM ANJORAN M.B.B.

BANDAR BRUNEI — Satu majlis forum akan di-adakan di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei pada 22 Februari ini mulai jam 7.30 malam.

Majlis itu di-anjorkan oleh

Majlis Belia2 Negeri Brunei Bahagian Ugama.

Tajok yang akan di-bincangkan dalam majlis tersebut ia-lah 'Ajaran2 Al-Koran ada-lah sesuai dengan perkembangan dunia moden'.

Tiga orang pencheramah

Bekas anggota T.N.K.U. di-pindahkan ka-Brunei

BANDAR BRUNEI — Enam orang bekas anggota T.N.K.U. telah di-pindahkan ka-Brunei dari Kuching oleh kerana mereka itu ia-lah raayat Brunei.

Mereka itu telah di-tahan di-Kuching sejak tamat-nya

konfrantasi.

Ke-enam2 orang yang di-tahan di-bawah undang2 dharurat itu ia-lah Yusof Abdullah, Yusof Ibrahim, Shamsudin Damit, Igat Tarang, Jaya Tarang dan Daing Uding.

akan mengambil bahagian dalam majlis forum itu.

Mereka ia-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil, Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Awang Ahmad bin Haji Bokhari.

Awang Abdul Hamid bin Bakal, Penguasa Penerangan dan Tabliq, Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mempengerusikan majlis tersebut.

Orang ramai terutama-nya kepada belia2 di-tanah ayer ada-lah di-persilakan hadir ka-majlis tersebut.



Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh kelihatan sedang menyampaikan chek berharga \$300 kepada Setia Usaha Persatuan Angkatan Belia Burong Pinggai, Berakas.

LANGKAH MENCHEGAH PENYAKIT KOLERA

BANDAR BRUNEI — Pegawai Kesihatan Brunei, Dr. Y.H. Paik telah mengumumkan bahawa Negeri Kedah di-Malaysia Barat telah di-istiharkan sa-bagai kawasan kolera oleh kerajaan Malaysia.

Beliau berkata, untuk melindungi kesihatan di-Brunei, semua penumpang2 yang tiba dari Malaysia Barat akan diletakkan di-bawah perhatian sa-lama lima hari dari tarikh mereka berlepas dari Malaysia Barat.

Beliau menambah, semua penumpang dan anak2 buah kapal terbang atau kapal laut yang tiba di-Brunei yang tidak mempunyai sijil suntakkan yang sah akan di-suntek di-tempat pemeriksaan.

AHLI2 J/KUASA BARU IBB

BERAKAS — Persatuan Ikatan Belia Berakas dalam mashuarat agong-nya yang telah diadakan pada 14 Februari lepas telah memilih ahli saperti berikut:

Penasehat — Yang Berhormat Pengiran Haji Damit bin Pengiran Sunggoh; *Yang Di-Pertua* — Awang Mukim bin Hasan; *Naib Yang Di-Pertua* — Pengiran Md. Yassin bin Pengiran Othman; *Setia Usaha* — Awang Hasan bin Haji Awang Timbang; *Penolong Setia Usaha* — Talib bin Panggis dan *Penyimpan Amanah* — Awang Mohd. Daud bin Haji Timbang.

BANTUAN KAPADA PERANGKAP

BANDAR BRUNEI — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah menyampaikan sa-keping chek yang berharga \$300.00 kepada Persatuan Angkatan Belia Burong Pinggai, Berakas.

Wang tersebut ada-lah sumbangan Jabatan Kebajikan untuk membeli alat2 perabot untuk kegunaan persatuan itu.

Wang bantuan itu telah diterima oleh Setia Usaha Persatuan tersebut, Awang Abdul Rahman bin Yusof di-Pejabat Pesuruhjaya Kebajikan pada minggu lalu.

Persatuan Angkatan Belia Burong Pinggai, Berakas ada-lah persatuan belia yang pertama menerima bantuan saperti itu dari Jabatan Kebajikan tahun ini.

Pada tahun lalu, empat buah persatuan belia telah menerima bantuan sa-rupa itu.

KERJA MEMBENA RANCHANGAN

BEKALAN AYER \$40 JUTA

DI-MULAKAN LEWAT TAHUN INI

BANDAR BRUNEI — Kerja pembenaan bagi ranchangan2 bekalan ayer Tutong untuk bekalan ayer yang chukop bagi Daerah2 Brunei/Muara dan Tutong di-jangka akan di-mulakan lewat tahun ini.

Kerja pembenaan yang akan di-bahagikan kapada dua perengkat itu, di-jangka akan siap pada penghujung tahun 1971.

Seluruh ranchangan itu dianggarkan menelan belanja lebeh dari \$40 juta.

Sharikat Binnie dan Pakatan ada-lah jurutera perunding yang di-lantek untuk mereka bentok ranchangan itu dan akan mengawasi kerja pembenaan bagi pehak kerajaan.

Perengkat pertama ranchangan itu melibatkan pembenaan saluran utama dekat Kampung Layong dengan sa-buah pusat pengepam dan tempat menyampor ubat yang berhampiran.

Saluran2 paip yang panjang-nya kira2 55 batu akan di-pasang untuk menyalorkan ayer ka-10 buah tempat simpanan ayer yang akan membekal ayer kapada tempat2 yang ramai penduduk-nya di-antara Tutong, Brunei dan Muara.

Perengkat kedua terdiri dari pembenaan tempat2 simpanan ayer tambahan dan pemasangan saluran paip untuk membekal ayer kapada beberapa buah kampung di-kawasan2 luar bandar di-Daerah2 Brunei/Muara dan Tutong.

Kerja penyiasatan bagi ranchangan itu hampir2 selesai.

Tawaran bagi membekal paip2 telah di-buat dan tawaran bagi kontrak berkenaan dengan hal2 yang berkaitan dengan kejuruteraan awam sedang di-pelawa.

Ranchangan itu ia-lah untuk menjamin chukup-nya bekalan ayer bagi 25 tahun yang akan datang dengan tambahan 6 juta gilin sa-hari.

Walau pun ranchangan itu pada mula-nya akan mengadakan bekalan tambahan sa-banyak 6 juta gilin sa-hari, bekalan itu dapat di-tambah kapada 12 juta gilin sa-hari untuk memenuhi keperluan penduduk2 yang semakin bertambah.

Pertunjokkan mengetam padi dengan menggunakan jentera

KILANAS — Satu pertunjokkan mengetam padi dengan menggunakan jentera telah diadakan di-Pusat Pertanian Kilanas pada minggu lalu.

Jentera jenis Iseki Combine buatan Jepun itu telah di-kendalikan oleh sa-orang pekerja Sharikat Iseki di-Malaysia Barat yang telah tiba di-sini bersama2 dengan jentera tersebut.

Jentera yang berat-nya 1200 paun itu ada-lah alat pertanian yang terbaru sekali bagi mengetam padi.

Kerja-nya di-jalankan dengan memotong padi dengan mata pisau yang berbentuk saperti gergaji yang letak-nya di-sebelah bawah di-hadapan jentera itu.

Jentera itu sa-lain dari senang menggunakan-nya, ia-nya juga menjimatkan masa dan tenaga.

Sa-orang pekerja yang chekap boleh mengetam empat hingga lima ekar dalam sa-hari.

Gambar kiri menunjukkan pekerja dari Sharikat Iseki sedang menunjukkan cara menggunakan jentera mengetam padi di-Pusat Pertanian Kilanas baru2 ini.



SALAH SATU TANDA HARI KIAMAT:

KITA selalu mendengar berita2 dari radio atau membaca berita2 dari surat2 khabar dan majallah bahawa sa-tengah2 negeri dalam dunia ini berlaku gempa bumi yang mengakibatkan kerosakan2 dan kehilangan jiwa. Belum lama dahulu kita mendengar satu gempa bumi berlaku di-Iran yang mana telah memakan korban jiwa yang bukan sedikit dan mendatangkan kerosakan2 yang terlalu banyak dan baru2 ini mendengar berita berhubung dengan gunung berapi yang hidup kembali di-sebuah negeri tetangga kita, yang mana memakan jiwa yang banyak. Semua berita2 itu ada-lah menakutkan kita di-samping menimbulkan rasa kesihan terhadap mereka yang terkorban dan mereka yang menanggung kesusahan.

Kadaan yang menakutkan terbit dari gempa bumi atau terbit dari letupan gunung berapi itu, mengingatkan kita kepada firman Tohan dalam surah Az-Zilzillah yang bermaksud:

Ketika bumi di-gonchang dengan sendiri2-nya dan bumi mengeluarkan isi yang terkandung di-dalam-nya dan manusia mengatkan apakah gerangan-nya? Di-hari itu bumi menerangkan berita-nya, ba-

Khemah untuk jemaah haji

BANDAR BRUNEI — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama telah membeli lagi beberapa buah khemah untuk kegunaan jemaah haji Brunei ketika berada di-Mekah.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, pada tahun 1964 jabatan itu telah membeli 15 buah khemah yang berharga \$7,102.

Memandang bertambah-nya bilangan jemaah2 haji Brunei pada tiap2 tahun ada-lah perlu menambahkan lagi khemah untuk di-gunakan sa-masa berada di-Mekah, tegas juruchakap itu.

Juruchakap itu menambah, khemah2 tersebut di-beli dengan wang yang di-dermakan dari orang ramai di-negeri ini sejak 1963.

Gonchangan bumi yang maha hebat yang lebeh dashat drp. letupan gunung berapi

KHUTBAH JUMA'AT

Manusia di-bangkitkan kembali dan di-hadapkan ka-muka pengadilan.

Perbuatan baik dan jahat akan nampak oleh mereka, ketika itu tidak siapa yang boleh 'memborak'.

hawasa-nya Tohan telah mewahyukan kepada-nya, di-hari itu manusia berangkat kembali dalam beberapa kumpulan untuk melihat perbuatan mereka sendiri, maka barang siapa yang mengerjakan perbuatan yang baik walau pun sedikit akan dapat dilihat-nya dan barang siapa yang mengerjakan perbuatan yang jahat walau pun sedikit akan dapat dilihat-nya.

Firman Tohan dalam surah Az-Zilzillah itu menggambarkan salah satu tanda hari kiamat yang mana pada ketika itu bumi akan bergonchang dan bergerak dalam keadaan yang maha dashat lebeh dashat daripada kejadian gempa bumi dan lebeh dashat daripada letupan gunung berapi, kerana pada ketika itu akan sedar-lah manusia, mereka akan bertanya2, apakah telah terjadi? Mengapa demikian terjadi? Sa-benarnya kejadian itu ada-lah kehendak Tohan, kekuasaan Tohan berlaku bagi menandakan hari kiamat akan tiba.

Dalam keadaan demikian, manusia di-bangkitkan kembali masing2 dalam keadaan-nya yang tertentu, masing2 dengan gulungan-nya, berpa-

sakan, berombongan pada ketika itu mereka menghadapi suatu keadaan yang maha dashat, mereka sendiri di-hadapkan kepada pengadilan, berdiri dalam mahkamah yang maha besar dan maha hebat, berdiri di-hadapan Rabul Jalil yang maha berkuasa dan maha adil.

Di-hadapan mereka terbenatang perbuatan2 mereka yang

telah lalu. Sedar-lah mereka akan perbuatan2 yang mereka lakukan pada masa mereka hidup di-dunia, tahu-lah mereka yang mana baik dan yang mana jahat, ternampak-lah di-hadapan mereka satu persatu akan kebaikan yang mereka lakukan dan terlihat-lah mereka kejahatan2 yang mereka usahakan. Di-hari pengadilan itu tidak siapa pun boleh 'memborak' kerana segala keterangan2 adalah chukup dan sah, kerana tiap2 sa-seorang manusia sepanjang hayat-nya telah dijaga oleh malaikat yang menulis kebaikan dan kejahatan yang di-lakukan.

Oleh yang demikian adalah di-serukan kepada seluruh umat Islam agar memperingat bahawa sa-tiap pekerjaan itu akan kita lihat kembali di-hari pengadilan di-hadapan Tohan, maka mari-lah kita membuat kebaikan menurut ajaran2 Tohan agar kita menjadi orang2 yang di-redzainya dan terlepas seksa neraka.



Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Februari, 1969 hingga ka-hari Selasa 25 Februari, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
19 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
20 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
21 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
22 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
23 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
24 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
25 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



19 Februari, 1969.

KESUKAAN YANG MERUGIKAN

PEGAWAI Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin baru2 ini telah menyeru penduduk2 di-Seria supaya sama2 memelihara bagi kesempurnaan perkakas2 yang terdapat di-Bilik Bachaan dan dengan itu perkakas2 yang terdapat di-situ akan di-pakai lebih lama lagi. Beliau meminta ahli2 majlis mashuarat Daerah Belait yang mewakili kawasan2 di-Seria supaya dapat menyumbangkan jasa baik mereka untuk memberikan nasehat2 kepada beliau bagi menolong menghindarkan kerosakan2 ka-atas perkakas2 terutama kerusi meja dan buku2 serta majalah2 yang terdapat di-situ.

Seruan itu di-luahkan bukanlah merupakan sa-suatu yang tidak bersandarkan kenyataan. Seruan itu terbit dari "kesukaan yang merugikan" di-kalangan sa-tengah2 anggota masharakat kita.

Belum lama dulu telah diikuti sungutan2 dari perbuatan2 jahat yang di-lakukan oleh orang2 yang suka menyakiti hati orang dengan "menggarit2" kereta, mematahkan arial radio kereta dan mencekuk2 kereta sama ada dengan tanah mahupun dengan chat.

Akhir2 ini timbul pula perbuatan2 yang serupa. Kerajaan membena pondok2 telepon di-kampung2 untuk menyenangkan mereka membuat panggilan2 yang menurut kehendak mereka. Tetapi malang2nya sa-tengah2 pondok itu telah di-rosakkan dan ada yang rosak berat seperti pintu2nya "pukah" dan jendela2 chernin2nya pecah dan telefon2nya pula di-sembur dengan tanah dan kadang2 di-dapati tong2 duit2nya di-isikan kertas2, pasir dan besi2 nipis.

Dewan Raya, berumur belum sampai sa-tahun, tetapi beberapa biji kerusi yang bertilam empok di-dapati "charik" dan charikan itu dapat di-kesan ialah di-sebabkan benda yang tajam seperti pisan atau paku.

Apakah faedah yang di-dapat dari perbuatan ini? Faedah2nya bagi orang2 yang waras sudah tentu tidak ada, bahkan ruginya berganda2. Raayat akan bertambah susah jika Kerajaan bertindak memutus bekalan2 telepon itu. Dewan Raya akan di-tutup dan akan di-adakan kempen sa-hebat2nya untuk menangkap dan menghukum orang2 yang berkelakuan jahat itu. Akhir2nya mereka juga yang rugi kerana perbuatan bodoh mereka.

Kalau perbuatan2 jahat itu di-kalangan beliau2, maka hal itu boleh memudahkan imej beliau tanah ayer dan tindakan2 harus di-lancarkan oleh seluruh persatuan2 beliau bagi mengadakan kursus2 tata raayat dan disiplin kehidupan atau tindakan2 yang di-fikirkan lebih berkesan.

Kalau perbuatan itu dari kanak2, maka ibu bapa harus mengawal mereka dengan chara yang sesuai. Di-sekolah sudah tentu di-ajarkan tata-tertip yang menyeluruh aspek2 kehidupan tetapi ada-lah lebih berkesan lagi kalau murid2 itu di-bekalkan dengan sharahan2 disiplin sa-krang2nya sa-minggu sekali atau mengadakan chara2 yang di-fikirkan lebih berkesan.



Orang ramai kelihatan sebok memilih dan ada yang sedang berfikir apa yang harus di-beli sementara Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin sedang memerhatikan dari belakang (menghadap kamera).



Yang tidak berbaju ini ia-lah salah sa-orang peladang yang ikut serta dalam TAMU di-Seria dengan menjual ternakan ayam-nya.

PELADANG2 DAERAH BELAIT ADAKAN TAMU DI-SERIA

PELANDANG2 di-seluruh Daerah Belait telah berpeluang menunaikan hasrat mereka untuk tidak ketinggalan dari menerima galakan2 seperti yang di-terima oleh peladang2 yang lain di-negeri ini.

Dengan langkah Kerajaan membenarkan mereka membuka satu kawasan untuk di-jadikan "TAMU" yang letak-nya berhampiran dengan Pasar Seria, maka peladang2 di-situ merasa lega kerana mempunyai saloran khas untuk menjual hasil2 tanaman mereka.

Pada hari pertama pembukaan "TAMU" itu, ia-itu pada hari Ahad, 9 Februari lepas peladang2 di-daerah itu berduyun2 turun ka-pekian Seria dengan membawa sayur2an, buah2an dan ternakan2 mereka.

Mereka menjual-nya dengan harga yang berpatutan yang menyebabkan awal2 lagi bahan jualan mereka itu telah habis di-jual.

Pada hari itu peladang2 yang datang hanya-lah yang ada di-kawasan2 yang berdekatan dan dari pendalaman2 belum lagi tiba di-sebabkan kesulitan pengangkutan yang kebanyakan-nya melalui sungai.

Tamu itu akan terus di-adakan pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad.

Penolong Setia Usaha Agong Persekutuan Persatuan Peladang Negeri Brunei, Awang Abdul Hadis bin Tarip menyatakan bahawa tujuan di-adakan TAMU itu ia-lah untuk memberi galakan kepada kaum tani di-daerah itu dalam lapangan berchuchok tanam dan menjual sa-chara langsung hasil2 tanaman mereka kepada orang ramai dengan harga berpatutan tanpa melalui orang tengah.

Beliau menyeru kepada kaum tani di-situ supaya menjual lebih banyak lagi hasil2 usaha mereka di-TAMU tersebut pada masa yang akan datang.

Pada hari pembukaan itu yang turut menyaksikan-nya termasuk-lah Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail, Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan Daerah.



Kerana harga yang berpatutan, sa-orang ibu China kelihatan mengangkat sa-ikat besar sayur dengan tidak menawar harga-nya lagi.



Kerana TAMU di-Seria baru di-buka, maka ia-nya di-jadikan bahan untuk siaran Radio dalam ran-changan pertanian. Kelihatan penerbit ran-changan itu, Awang Ramlee Md. Said sedang menginterview Awang Abdul Hadis, Penolong Setia Usaha Agong Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei. Nombor 3 dari kiri ia-lah Yang Berhormat, Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar, Ahli Majlis Mashuarat Negeri dari Daerah Belait.

Labi terkenal dengan limau manis-nya. Sa-orang peladang dari mukim itu kelihatan melunggokkan limau-nya untuk di-jual.

Gambar atas kelihatan sa-orang peladang sedang sebok menimbang sayur yang hendak di-beli oleh sa-orang ibu.

Peladang2 yang terdiri dari kaum ibu tidak ketinggalan juga membawa hasil2 dari usaha mereka. Kelihatan gambar sa-belah kiri sa-orang ibu di-interview untuk ran-changan pertanian di-udara. Barang2 yang lain sudah habis di-jual hanya yang tinggal beberapa tumpok pinang sahaja.



Tarikh2 sokan daerah, negeri di-tetapkan

BANDAR BRUNEI — Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei dalam mashuarat agong tahunan-nya yang telah berlangsung baru2 ini telah bersetuju untuk mengadakan sokan Daerah Brunei pada 20 Jun, dan sokan Daerah Belait pada 22 Jun hadapan.

Mashuarat itu telah bersetuju untuk mengadakan sokan kejohanan sa-luroh negeri pada 29 Jun.

Pemenang2 dalam sokan sa-luroh negeri itu akan di-pileh untuk mewakili negeri ini ka-Sokan Borneo yang akan di-langsungkan di-Kota Kinabalu pada 11 dan 12 Julai hadapan.

Sa-orang juruchapak per-

satuan tersebut berkata, persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei juga bersetuju untuk mengadakan sokan bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada 20 Julai.

Dalam persidangan itu juga telah melantek sa-mula Yang Berhormat Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Limbang sa-bagai Yang Di-Pertua persatuan tersebut.

Lain2 pegawai yang telah di-pileh ada-lah seperti berikut: Pengerusi — Dato Seri Laila Jasa Awang P.A. Coates; *naib pengerusi* — Awang Abdi Manaf bin P.H.A. Bakar (Daerah Brunei) dan Awang T.V. Singam (bagi Daerah Belait) dan Setia Usaha — Awangku Ibrahim bin Pengiran Damit.

Awang Eli N. Bentiago telah di-pileh sa-bagai Penolong Setia Usaha bagi Daerah Brunei dan Awang Abd. Rahman bin Haji Mohd. Jaafar bagi Daerah Belait.

Bendahari Kehormat — Awang Michael Tseu; Penolong Bendahari Kehormat — Inspector Abu Bakar semantara Awang Eli Bentiago, Raja Azlan dan Awangku Ibrahim bin Pengiran Damit di-pileh sa-bagai pelateh.

**Derma2 untok
membiayai
Rumah Orang
Tua di-kehendaki**

SERIA — Kutipan derma sa-tiap tahun dari orang ramai untok menolong menyelenggarakan Rumah Orang Tua di-Seria sekarang maseh di-jalankan.

Kutipan telah di-jalankan dalam minggu lepas di-Seria dan Kuala Belait dan minggu ini di-Tutong dan Bandar Brunei.

Sa-orang juruchapak bagi Rumah Orang Tua itu berkata, jumlah perbelanjaan bagi menyelenggarakan rumah itu ia-lah kira2 \$30,000 dan 10,000 dari jumlah itu ada-lah dari kerajaan sa-bagai peruntukan, tetapi baki-nya terpaksa di-dapati dari sumbangan orang ramai.

Beliau berkata, wang sa-banyak lebeh dari \$9,000 telah pun di-dapati dan tujuan mereka ia-lah untok mendapatkan lebeh dari kutipan tahun lepas yang berjumlah hampir2 \$15,000.

Rumah itu menampung sa-ramai 60 orang termasuk lima orang perempuan yang mana kebanyakan terdiri dari orang2 China.

Penghuni2 rumah itu telah di-berikan jamuan makan istimewa pada petang Sabtu 15 Februari sa-bagai sempena menyambut Tahun Baru China.

**Lagi Kelas2
menaip
akan
di-buka**

BANDAR BRUNEI — Penye-lia Pelajaran Dewasa, Haji Awang Mohammad Yassin bin Haji Metassim berkata, kelas2 menaip tambahan bagi orang2 baru akan di-buka di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, di-Bandar Brunei.

Beliau berkata, lebeh dari 100 penuntut akan dapat belajar apabila kelas2 itu di-buka nanti.

Kelas2 itu akan di-buka pada waktu malam dan orang2 yang telah menghantar permohonan untok memasoki kelas2 tersebut akan di-beri tahu tidak beberapa lama lagi.

Haji Awang Mohammad Yassin berkata, pada masa ini terdapat empat buah kelas menaip peringkat permulaan, dua bagi peringkat menengah dan satu bagi peringkat tertinggi yang mengandungi lebeh dari 100 orang penuntut.

Beliau berkata, tahun ini ada-lah paling ramai orang2 yang mendaftarkan untok belajar menaip daripada tahun2 yang sudah.

Sementara itu, sa-ramai 51 orang dari 67 orang calon dari Brunei telah lulus dalam peperiksaan menaip yang telah di-adakan pada penghujung tahun lalu di-bawah anjoran Institute Trengkas Melayu Malaysia.

Dua puluh tujuh daripada calon2 itu telah lulus dalam peringkat permulaan, 15 dalam peringkat menengah dan sembilan dalam peringkat tertinggi.

Gerai2 makan baru akan di-bena di-Jalan Residency

BANDAR BRUNEI — Gerai2 untok menjual makanan akan di-bena di-tanah lapang berdekatan dengan band stand di-Jalan Residency.

Gerai2 tersebut akan menggantikan gerai2 makan yang ada sekarang ini di-belakang Panggong Boon Pang.

Pengurus Bandar Brunei, Awang Mohammad Ali bin Awang Besar ketika mengumumkan perkara ini berkata, peruntukan telah pun di-sediakan untok membena gerai2 tersebut.

Beliau berkata, pembenaan akan di-mulakan sa-baik2 sahaja Jabatan Kerja Raya siap membuat reka bentok gerai2 tersebut.

Awang Ali berkata, tapak gerai2 yang ada sekarang akan di-jadikan tempat penarohan kereta.

Ini, tegas beliau, akan dapat menyelesaikan sa-bahagian dari masalah penarohan kereta di-kawasan Bandar Brunei pada masa ini.

Lesen2 anjing boleh di-beli dari sekarang

KUALA BELAIT — Lesen2 anjing bagi Daerah Belait telah mula di-keluarkan di-pejabat2 Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Bayaran bagi sa-ekor anjing jantan ia-lah \$3.00 untok sa-tahun dan \$5.00 bagi anjing

betina.

Lesen2 hendak-lah di-gantong di-leher anjing2.

Satu penguaman Jabatan Bandaran Belait berkata, anjing2 yang di-dapati tidak mempunyai lesen sa-lepas 4 Mach, 1969 akan di-hapuskan.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN LETRIK

SABAGAI

JURUTEKNIK

KANAN MAKMAL

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Juruteknik Kanan Makmal di-Jabatan Kerja Raya, Brunei, (Bahagian Ayer).

Kelayakan2 dan pengalaman:

Chalun2 mesti-lah mempunyai Sijil 'Am Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan telah menjalani latehan dalam kimia sa-lama sekurang2-nya dua tahun serta memperolehi sijil kecekapan. Chalun2 mesti-lah pernah berkhidmat sa-bagai pembantu makmal dalam makmal menganalisa kimia atau memegang jawatan yang sama dengan-nya sa-lama sekurang2-nya lima tahun. Tugas2 termasuklah kerja menganalisa bahan2 kimia dan hama pada tiap2 hari bagi bekalan ayer minuman dan menjalankan penyelidikan ayer di-makmal bersangkutan dengan mengawal penarahan bahan kimia ka-dalam ayer.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$660 x 30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan: Sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kontrak adalah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan sijil2 dan surat2 akuan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 4 Mach 1969.

punya pengalaman dalam setor letrik.

Pengetahuan menaip ada-lah di-kehendaki.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian akan di-lantek sa-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-negeri Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembali bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1969.

SA-BAGAI KETUA JURUTEKNIK MAKMAL DI-BAHAGIAN HAIWAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenohi jawatan sa-bagai Ketua Juruteknik Makmal di-Bahagian Haiwan di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus A.M.I.L.T. atau kelulusan2 yang sa-imbang dengannya. Sekurang2-nya mempunyai pengalaman sa-lama 5 tahun dalam makmal saperti Bacteriology, Virology, Haematology, Chemopathology dan Parasitology.

Tugas: Bertangong-jawab kepada Pegawai Haiwan dalam mengendalikan makmal di-klinik Haiwan, Brunei dan menjalankan pemereksaan2 dalam makmal khusus-nya berthabit dengan penyakit2 binatang.

Gaji: Dalam sukatan gaji C.3 EB 4 — \$930 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang terpilih yang bukan dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Bagi mereka yang terdiri dari raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sabanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat Baksis tidak akan

di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1969.

KELASI, BUROH KASAR ATAU MAHIR DI-KEHENDAKI

PEMOHON2 ada-lah di-jemput untuk memenohi beberapa kerja2 kosong di-sharikat2 yang berikut:

(a) **Pembantu Kelasi Kapal** (Seaman Helper) di-Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. (15 kekosongan)

Kelayakan dan Pengalaman:

(i) Mesti-lah raayat Sultan atau (yang mempunyai kad pengenalan Brunei yang berwarna biru dan merah).

(ii) Berumur di-antara 18 hingga 30 tahun.

(iii) Pandai menulis dan membaca romanais (sekurang2-nya lulus dalam darjah IV Melayu). Mempunyai pengetahuan dalam bahasa Inggeris ada-lah satu keistimewaan.

(b) **Sabagai buroh kasar atau mahir** di-Sharikat Costain Civil Engineering Berhad (Pemborong yang melaksanakan lapangan Terbang Antara Bangsa, Brunei).

Sharat2 memasoki pekerjaan ini: (i) Mesti-lah raayat Sultan atau (yang mempunyai kad pen-

genalan Brunei yang berwarna biru dan merah).

(ii) Mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 30 tahun.

(iii) Mempunyai kepandaian dalam segi pertukangan ada-lah satu keistimewaan.

(c) **Sa-bagai buroh kasar atau mahir** di-sharikat Daito Borneo Construction (Pemborong yang melaksanakan projek pelabohan ayer dalam di-Muara).

Sharat2 memasoki pekerjaan ini:

(i) Mesti-lah raayat Sultan atau (yang mempunyai kad pengenalan Brunei yang berwarna biru dan merah).

(ii) Mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 50 tahun.

(iii) Mempunyai kepandaian dalam segi pertukangan ada-lah keistimewaan.

Pemohon2 yang ingin mendapatkan salah satu pekerjaan yang tersebut di-atas hendaklah datang ka-Pejabat Buroh Bandar Brunei untuk mendapatkan pennerangan2 lanjut tidak lewat dari akhir bulan Februari ini.

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang ber-kelayakan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Letrik, Brunei.

(a) **JURUTERA PENGUASA** (1 jawatan)

Gaji: Dalam sukatan gaji B2 EB 3 — BS1020 x 40 — 1620/EB/1670x50 — 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sa-lama sekurang2-nya 10 tahun dalam hal ehwal memasang, menjaga dan mengendalikan stesen 14 MW yang di-jalankan oleh diesel dan yang mempunyai kuasa tenaga sabanyak 3 MW di-sekitar 11 KV. Mesti-lah mempunyai pengetahuan mengendalikan switchgear 11 KV. dan tugas2 yang sama antara stesen2 kuasa letrik yang lain. Kelulusan teknik ada-lah di-kehendaki tetapi tidak perlu.

(b) **PENOLONG JURU BEKALAN** (1 jawatan)

Gaji: Dalam sukatan gaji C3 EB 4 — BS930x30 — 1050/EB/1080 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 7 tahun mengenai high voltage switchgear dan transformers, 11 KV. dan L.T. bawah tanah dan chara membekalkan kuasa letrik di-atas kepala. (overhead). Kelulusan ada-lah di-kehendaki tetapi tidak perlu. Mesti-lah berkebolehan mengawal tukang2 dan buroh2.

(c) **PEMBANTU KEJURUTERAAN LETRIK** (2 jawatan)

Gaji: Dalam sukatan gaji C.2 — BS660x30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dalam sharikat letrik khusus-nya yang bersangkutan dengan Bahagian Pengguna/Bekalan. Mesti-lah berkebolehan mengawal tukang2 dan buroh2. Kelulusan City and Guilds Peringkat Menengah ada-lah di-kehendaki tetapi tidak perlu.

(d) **TUKANG PELAN KANAN** (2 jawatan)

Gaji: Dalam sukatan gaji C.2 — BS660x30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 10 tahun dalam lukisan2 letrik, termasuk pemasangan kawat2 letrik di-dalam bagi bangunan2 stesen2 kecil dan rajah, perjalanan kebal dan kawat2 di-atas kepala. Pengalaman dan pengetahuan awam dan lukisan2 akitek ada-lah di-perlukan. Kelulusan City and Guild Peringkat Menengah ada-lah perlu tetapi tidak di-kehendaki.

(e) **PEMBACHA METER** (17 jawatan)

Gaji: Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 — \$200x10 — 270/EB/280x10 — 330.

BANGUNAN S.T.P.R.I. AKAN DI-PERBESAR

BANDAR BRUNEI — Kerajaan telah menerima tawaran bagi membina bangunan tambahan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Bandar Brunei.

Bangunan tambahan itu di-

Ketua baru bagi Kampong Labu Estate

TEMBURONG — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah melantik Haji Awang Ahmad bin Haji Buntar sa-bagai Ketua Kampong Labu Estate di-Daerah Temburong.

Haji Awang Ahmad menggantikan bekas ketua kampong, Haji Awang Buntar bin Mohammad Tahir yang telah bersara.

Haji Awang Ahmad telah mula memegang jawatan tersebut mulai 1 Februari lepas.

Haji Awang Ahmad telah di-chalunkan oleh penduduk2 di-Kampong Labu Estate pada 16 November tahun lepas.

Pembukaan bilek bachaan Seria

(Dari Muka 1)

bekalkan dengan buku2 pengetahuan dan kamus di-samping majalah2 dan surat2 khabar untuk mengetahui keadaan dunia dan dalam Negeri Brunei sendiri.

Awang Freitas menyatakan juga bahawa pembenaan bangunan itu telah siap pada tahun lepas, tetapi jentera pendingin hawa baharu saja dipasang yang menyebabkan bilek bachaan itu terlewat sedikit pembukaan-nya.

Bilek bachaan itu di-buka kepada orang ramai sa-lama lima hari dalam sa-minggu mulai dari tengah hari hingga pukul 8.00 malam. Ia-nya ditutup pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad serta hari2 selepas awam.

Turut hadir dalam majlis pembukaan itu termasuk-lah Yang Berhormat Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri, Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah dan wakil Pengarah Urusan Shariat Minyak Shell, Brunei, Awang G.C. Harper serta pegawai2 kerajaan.

taksirkan menelan belanja lebih dari \$1.35 juta.

Bangunan tambahan itu mengandungi 12 buah bilek darjah, dua buah makmal sains, sa-buah khutub khanah, dan bilek seni dan pertukangan tangan.

Kompleks bangunan itu termasuk sa-buah blok asrama yang boleh menampung 104 orang dan rumah2 untuk dua orang penjaga.

Dewan makan yang ada sekarang ini akan di-perluaskan untuk menampung murid2 dalam asrama yang sa-makin bertambah itu.

Sa-buah dewan/gymnastik yang lengkap dengan pentas, bilek2 menyalin pakaian, kawasan bola keranjang dan gelanggang badminton juga akan di-bena.

Padang untuk bermain hoki juga di-sediakan.

Sa-buah rumah baru untuk pengetua akan di-bena di-kawasan itu.

PEMINDAHAN KUBOR TIDAK MENYALAH HUKOM SHARA'

BANDAR BRUNEI — Mufti Kerajaan, Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja Haji Awang Ismail bin Omar Abd. Aziz berkata, pemindahan kubor orang Islam, tidak-lah bertentangan dengan hukum shara' jika pemindahan itu di-lakukan sa-mata2 dalam perkara tertentu saja yang di-fikirkan dharurat.

Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja berkata demikian ketika mengulas mengenai pemindahan 250 buah kubor orang2 Islam di-Kampong Terujung Berakas, ka-satu kawasan sa-luas 10 ekar di-Kampong Lambak kerana terlibat dalam ranchangan pembenaan Lapangan Terbang Antara Bangsa yang baru.

Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja berkata, pemindahan kubor itu boleh di-lakukan ka-tempat yang sesuai, kerana menghidarkan kubor2 yang ada di-kawasan itu, di-takuti tidak terkawal dan terhina pada masa2 akan datang.

Kerja2 memindah 250 buah kubor di-Kampong Terujung, telah pun selesai di-jalankan pada 3 Februari lepas.

Kerja2 pemindahan itu di-kekelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Bekalan letrik untuk kampong Sungai Teraban

KUALA BELAIT — Penduduk2 Kampong Sungai Teraban di-Daerah Belait buat pertama kali akan menerima bekalan letrik apabila kerja memasang kebal di-bawah tanah dan dalam ayer ka-kampong itu selesai.

Ketua Jurutera Letrik, Awang E.F. Brown ketika mengumumkan perkara ini berkata, tawaran bagi kerja itu telah di-tutup pada 10 Februari lepas.

Awang Brown berkata, kerja2 memasang kebal di-bawah tanah di-sepanjang batu 8 hingga ka-batu 10 Jalan Tutong dan Kampong Mulaut juga akan di-jalankan tahun ini.

Beliau berkata, ini ada-lah sambongan kebal besar bawah tanah dari Bandar Brunei kabatu 12 Jalan Tutong.

Kebal2 tersebut akan menggantikan kawat2 atas yang ada sekarang ka-Mulaut melalui sawah2 padi.

Persatuan

Peladang Luagan Dudok perolehi hasil yang baik

TUTONG — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Luagan Dudok di-Daerah Tutong telah membuka lebih dari 300 ekar tanah paya untuk menanam padi.

Mereka telah di-benarkan oleh pihak kerajaan menggunakan tanah Paya Sambatang dengan chara T.O.L. Tanah tersebut terletak satu batu jauh-nya dari batu 21 Jalan Tutong/Brunei.

Yang Di-Pertua Persatuan itu, Awang Ali bin Haji Mokti berkata ini ada-lah tahun kedua tanah chara tersebut digunakan oleh ahli2 persatuan peladang itu.

Kata-nya, musim menetam pada tahun ini ada-lah menggalakkan.

Beliau menerangkan hasil padi tahun ini yang mereka perolehi ia-lah kira2 400 gantang tiap2 sa-ekar dan ada-lah di-harapkan sa-orang ahli akan mendapat kelebihan kira2 800 gantang padi.

Awang Ali menambah hasil yang baik itu ada-lah dari penggunaan baja yang di-berikan oleh Jabatan Pertanian yang juga menyewakan jentera2 Kabota dan Ferguson untuk membajak tanah itu.

Beliau bagi pihak ahli2 persatuan itu mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Daerah Tutong dan Jabatan Pertanian atas pertutungan yang di-berikan kepada mereka.

Lagi sa-orang

bakal haji meninggal dunia

BANDAR BRUNEI — Sa-orang lagi bakal haji Brunei telah meninggal dunia di-Mekah pada 13 Februari yang lalu.

Beliau ia-lah Dayang Fatimah bte. Metassan dari Kampong Menengah, Temburong.

Allahyarhamah berumur 64 tahun, telah bertolak meninggalkan Brunei bersama2 suaminya pada 27 Disember tahun lalu.

Permohonan untuk tunaikan haji di-terima mulai esok

BANDAR BRUNEI — Jabatan Hal Ehwal Ugama akan menerima permohonan2 dari orang2 Islam di-negeri ini yang ingin menunaikan fardhu haji pada tahun hadapan mulai 20 Februari ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, borang2 permohonan sekarang ini boleh di-perolehi dari pejabat2 ugama di-Bandar Brunei, Tutong, Belait dan Temburong.

Sa-orang pemohon hendaklah di-akui sihat oleh doktor kerajaan untuk menunaikan fardhu haji.

Semua borang permohonan hendaklah di-kembalikan kepada pejabat2 ugama di-daerah mereka masing2 tidak lewat dari 30 Jun hadapan.